


Naib Canselor UMS temui pelajar, pegawai UMSKAL

UB 5-4-2013 B6
LABUAN: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan mengadakan perjumpaan dengan pelajar dan pegawai UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) esok (6 April).



Sejurus tiba di Lapangan Terbang Labuan dari Kota Kinabalu, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah (*gambar*) akan menemui pemimpin Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) pada jam 9 pagi.

Selepas itu, beliau akan mengadakan perjumpaan dengan Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan

(SPKAL), Prof Madya Dr Syed Nasirin Syed Zainol Abidin dan Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim serta ketua

bahagian UMSKAL.

Perjumpaan bersama naib canselor di Bilik Seminar, Bangunan Podium itu akan turut disertai Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said, Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali dan Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah.

Naib canselor akan merasmikan Kedai Coop 1Malaysia di Bangunan Pusat Pemajuan dan Kokurikulum Pelajar dan menghadiri jamuan tengah hari di Rumah Kesumba UMSKAL.

Ismail berkata, kunjungan rasmi naib canselor itu membuktikan beliau memberi perhatian serius

kepada pembangunan dan kebajikan pelajar serta kakitangan UMSKAL.

“Saya yakin pertemuan dengan naib canselor itu akan memberi manfaat kepada pelajar dan UMSKAL secara keseluruhannya,” katanya.

Sementara itu, Ismail akan merasmikan majlis penghargaan E-Komuniti Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) pada jam 2.30 petang hari ini (Jumaat) di Dewan Theatrette.

Majlis itu diadakan untuk menghargai pemimpin dan jabatan serta agensi kerajaan yang banyak membantu menjayakan program e-Komuniti SSIL pada tahun lalu.